

07 MAR 2002

MAHATHIR-PEMULIHAN/I

MSIA TIMUR BOLEH BERI SUMBANGAN YANG BESAR KEPADA PEMULIHAN EKONOMI DUNIA

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Asia Timur sebagai sebuah perkumpulan, boleh memberi sumbangan yang besar kepada pemulihan ekonomi serantau dan dunia, sekiranya ia bersedia untuk menjadi lebih kritikal dan mencari jalan penyelesaian sendiri kepada masalah ekonomi serantau dan dunia.

Semasa membuat cadangan demikian hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata negara-negara Asia Timur mempunyai pengaruh dan keupayaan yang mencukupi untuk ditawarkan kepada umat manusia.

"Adalah suatu yang menyedihkan jika suara Asia Timur disekat atau begitu dicurigai bahawa negara-negara rantau ini mungkin tidak bercakap sesama sendiri tanpa kehadiran orang luar dari rantau ini," kata beliau pada sidang kemuncak Ekonomi Asia yang berlangsung di sini selama dua hari mulai hari ini.

Dr Mahathir berkata cadangan Malaysia bagi Persidangan Ekonomi Asia Timur tidak bermakna sebagai blok serantau tetapi sebagai kumpulan perundingan melibatkan negara-negara Asia Timur.

"Ia bertujuan untuk mengkaji masalah bersama dan idea baru dihasilkan daripada Barat," kata Perdana Menteri.

Sambil menegaskan bahawa tiada siapa yang mempunyai monopoli kebijaksanaan, Dr Mahathir berkata negara-negara Asia Timur mempunyai kemampuan sebagaimana orang lain untuk memikirkan idea baru atau menolak apa yang dikemukakan kepada mereka.

Krisis kewangan 1997-98 boleh dielakkan sekiranya negara-negara Asia berani menentang perdagangan dan manipulasi matawang, yang merupakan aktiviti tidak produktif, katanya.

"Malaysia sahaja kerugian hampir AS\$300 bilion (RM1,140 bilion) bagi keuntungan hampir AS\$5 bilion (RM19 bllion) yang dibuat oleh pedagang matawang.

"Ia merupakan satu pembahagian kekayaan yang besar hanya bagi pedagang matawang untuk memperolehi beberapa juta bagi diri mereka. Kos sosial malahan bertambah teruk," tambah Dr Mahathir lagi. -- BERNAMA

MAD FR NHD